

# ASRI: PAS KELANTAN TAK SEKATA

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

KOTA BAHARU, Ahad — Kalangan penyokong-penyokong PAS di Kelantan berbelah bagi pendapat mengenai masa depan parti itu setelah perletakan jawatan Datuk Haji Mohd. Asri Haji Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS, semalam.

Mereka menfiskan perletakan jawatan Datuk Asri akan mengubah corak perjuangan masa depan PAS di samping membuka peluang kepada golongan muda yang lebih radikal memimpin parti.

Mereka yang enggan

menyebutkan nama, berkata pengunduran Datuk Asri dari puncak pimpinan PAS merupakan satu kehilangan besar kepada parti itu.

Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Asri Haji Muda semalam membuat pengumuman perletakan jawatannya untuk mengelakkan perpecahan dalam parti.

Yang Dipertua PAS kawasan Kota Baharu, Ustaz Sallehuddin Abdullah berkata, penyokong-penyokong PAS bimbang pemimpin baru PAS akan bertindak lebih radikal dan agresif dalam sesuatu isu.

Beliau juga bimbang perpecahan dalam parti akan lebih serius dan perpecahan di kalangan

masyarakat negara ini akan lebih dahsyat lagi.

Seorang penyokong kuat PAS di Tanah Merah, Encik Hussin bin Mat Akib berkata, Datuk Haji Asri adalah pemimpin bersikap sederhana yang boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan.

Katanya, selama ini Datuk Asri sentiasa meredakan suasana hangat dalam politik PAS dan dianggap 'penawar' dalam sebarang perpecahan masyarakat.

"Saya berpendapat pemimpin muda yang mahu diketengahkan sebagai pemimpin baru PAS akan bersikap radikal kononnya sesuai dengan generasi sekarang dan ini akan menghancurkan PAS," katanya.

Katanya, "keyakinan adalah begitu kuat, masyarakat Islam di negara ini akan berpecah-belah lebih hebat dari dulu jika golongan radikal diberi mandat memimpin PAS."

Beliau berpendapat, PAS Kelantan akan berpecah dua berikutan perletakan jawatan Datuk Haji Asri itu.

Bekas Pesuruhjaya PAS Kelantan, Ustaz Khalid Khatib menfiskan perletakan jawatan Datuk Haji Asri sebagai perkara biasa kerana pemimpin yang pergi silih berganti.

"Tidak timbul sebarang perebutan kuasa di dalam PAS, dan apa yang berlaku sekarang adalah krisis, "dalam rumah tangga", katanya.

Seorang jurucakap PAS Hulu Kelantan meramalkan perpecahan lebih serius mungkin berlaku di dalam PAS.

Sementara itu, Setiausaha Barisan Nasional Negeri, Senator Haji Ariffin Salleh berkata, Barisan Nasional negeri telah meramalkan Datuk Asri akan meletakkan jawatannya atau dilucutkan jawatannya dalam muktamarnya semalam kerana beliau dikatakan gagal menyatupadukan PAS yang sudah lemah-sekarang.